

## BAB II LATAR BELAKANG PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN SUKAN DI UNIVERSITI MALAYA

### A. Pendahuluan

Sebagai langkah awal penyelidikan adalah perlu untuk mengetahui dengan jelas latar belakang sejarah pentadbiran dan pembangunan sukan di universiti ini. Pengetahuan ini penting kerana wujudnya perbezaan dari segi konsep, fungsi dan pendekatan yang diamalkan dalam setiap tahap perkembangan. Bahagian ini bertujuan untuk meninjau sejarah latar belakang itu dari zaman awal penubuhan Universiti Malaya sehingga ke pentadbiran masa kini. Pengetahuan ini juga dapat membantu memahami dengan lebih jelas corak hubungan antara pentadbir sukan dan pelajar secara keseluruhan.

Dua istilah yang akan digunakan secara silih-ganti di sepanjang penulisan latihan ilmiah ialah istilah pentadbiran dan pembangunan. Definisi yang diberikan di dalam Kamus Dewan bagi istilah pentadbiran ialah pengelolaan dan pengurusan. Menurut Voltmer et al. ( 1979:3 ), pentadbiran ialah kebolehar untuk berkomunikasi di dalam organisasi, membuat keputusan di dalam sesuatu keadaan yang belum pasti dan membuat perancangan secara strategik dan berkesan supaya melakukan sesuatu dengan betul. Untuk latihan ilmiah ini saya telah merujuk pentadbiran sebagai pentadbiran institusi sukan seperti Pusat Sukan dan Universiti Malaya Athletic Union ( UMAU ) yang akan dikaji dari segi matlamat organisasi, hieraki, kepimpinan dan fungsi institusi sukan itu.

Istilah pembangunan pula dirujuk sebagai usaha membangun, memajukan dan mengembangkan sesuatu. Profesor Ungku Aziz ( 1979 :1) menyatakan pembangunan yang menurut istilah sukan ialah penyertaan( jumlah orang yang terlibat dengan aktiviti sukan secara aktif ), pencapaian (kejayaan di dalam permainan dan rekod-rekod yang dipecahkan ) dan kecergasan peserta. Penulis menghadkan penggunaan istilah pembangunan hanya kepada pencapaian matlamat organisasi, partisipasi pelajar dan kemajuan kemudahan-kemudahan sukan yang terdapat di Universiti Malaya.


Beberapa istilah lain yang penting dalam bahagian ini ialah istilah kakitangan dan pihak universiti. Kakitangan bermakna mana-mana pekerja universiti seperti pengetua asrama, pensyarah, pekerja pejabat dan pengawal keselamatan. Pihak universiti merujuk kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberikan kuasa untuk bertindak bagi pihak universiti.

## B. Sejarah Perkembangan Pentadbiran Sukan di Kampus

Sebagaimana yang dijelaskan di dalam Bab I bahagian masalah-masalah, buku-buku rujukan adalah amat kurang kerana tajuk latihan ilmiah ini tidak pernah diusahakan. Bahan bacaan hanyalah yang berbentuk laporan persidangan, seminar sukan dan Laporan tahunan Universiti Malaya. Dengan sumber-sumber yang terhad ini penulis telah merumuskan bahawa corak pentadbiran dan pembangunan sukan di universiti ini dapat dikategorikan ( rajah 2.1 ) kepada empat tahap :

1. Tahap I - antara tahun 1949 hingga 1958 iaitu perkembangan awal di Singapura.
2. Tahap II - antara tahun 1959 hingga 1974 iaitu era Universiti Malaya Athletic Union ( UMAU ).
3. Tahap III - antara tahun 1975 hingga 1985 iaitu pentadbiran Unit Sukan Hal Ehwal Pelajar.
4. Tahap IV - antara tahun 1986 sehingga sekarang iaitu pentadbiran Pusat Sukan.

**RAJAH 2.1 : TAHAP PERKEMBANGAN PENTADBIRAN SUKAN DI KAMPUS**



## 1. Tahap I

Satu daripada pertubuhan pelajar yang terawal di Malaya ialah Universiti Malaya Student Union ( UMSU ). Ianya ditubuhkan selepas percantuman Kolej Raffles dan Kolej Perubatan King Edward VII menjadi Universiti Malaya pada tahun 1949 di Singapura.


UMSU merupakan badan induk pelajar yang mempunyai banyak badan-badan gabungan berorientasikan akademik dan bukan akademik. Khas untuk menguruskan kegiatan sukan pelajar Universiti Malaya Athletic Union ( UMAU ) ditubuhkan.

Secara ringkasnya UMAU mempunyai tiga matlamat utama ( kalender 1950:215 ) :

- i. Membekalkan kemudahan-kemudahan sukan untuk ahli-ahlinya.
- ii. Menanamkan semangat kesukanan, bekerjasama, bermain bersih dan setiaikawan.
- iii. Mewakili universiti di dalam semua pertandingan sukan.

Pentadbiran UMAU dikuasai oleh sebilangan pelajar yang dipilih menerusi mesyuarat agung tahunan. Setiap ahli UMSU adalah secara otomatik merupakan ahli UMAU. Majlis Sukan yang dipilih tersebut terdiri daripada seorang Presiden, seorang Naib Presiden, seorang Setiausaha Kehormat, seorang Setiausaha Kewangan, wakil UMSU dan wakil wanita. ( rajah 2.2 )

RAJAH 2.2 : STRUKTUR ORGANISASI UMAU DALAM TAHAP I



Fungsi utama badan ini ialah menyediakan kemudahan-kemudahan sukan bagi permainan seperti bola sepak, bola tampar, bola keranjang, ragbi, hoki, olahraga, badminton dan renang. Sumber kewangan badan ini diperolehi daripada wang keahlian UMSU. Setiap ahli UMSU dikehendaki membayar wang kemasukan sebanyak \$10.00 dan \$8.00 wang penggal.

Aktiviti bagi setiap permainan dirancang oleh kapten pasukan bersama-sama ahli jawatankuasa permainan itu. Sewaktu mesyuarat agung tahunan belanjawan pasukan akan dibentangkan oleh setiap kapten pasukan. Pemilihan peserta untuk mewakili universiti dibuat oleh ahli jawatankuasa permainan dan diluluskan oleh Majlis Sukan. Majlis Sukan juga membuat dan menjalankan polisi badan ini dan menyelaras setiap permainan.

Apa yang jelas semua aktiviti sukan dijalankan oleh pelajar tanpa kawalan yang ketat oleh pihak pentadbiran universiti. Walaupun pelajar diberi kebebasan penuh untuk menguruskan sendiri aktiviti mereka tetapi penyertaan pelajar tidaklah begitu serius. Beberapa kesimpulan dapat dibuat mengenai penglibatan pelajar dalam sukan pada peringkat awal penubuhan universiti ini berdasarkan kertas kerja Chatar Singh ( 1954:37 ) :

- i. Mahasiswa kurang menunjukkan minat terhadap sukan. Chatar berpendapat keadaan ini wujud kerana pengaruh negatif pensyarah yang tidak menggalakkan pelajar menyertai kegiatan sukan. Pelajar-pelajar yang terlalu melibatkan diri dalam aktiviti sukan diberi amaran oleh pensyarah. Untuk menghadapi masalah ini UMAU telah membuka keahlian kepada pensyarah supaya dapat mengeratkan hubungan dan persefahaman di antara kedua pihak.
- ii. Pelajar-pelajar baru kurang menyertai aktiviti sukan kerana khuatir akan gagal peperiksaan.
- iii. Masalah yang paling utama ialah masalah pembahagian masa di antara aktiviti akademik dan aktiviti sukan. Masalah ini ternyata bergantung kepada individu masing-masing.

Prof. Dato' Khoo Kay Kim ( Varsiti 1989:141 ) menulis bahawa persaingan yang hebat sering berlaku di antara Kolej Raffles dan Kolej King Edward setiap kali mereka bertemu dalam permainan seperti kriket, hoki, olahraga, bola sepak, tenis dan ragbi. Pertemuan di antara kedua kolej itu setiap tahun merupakan suatu peristiwa sukan yang dianggap sangat penting dalam kalender sukan di Singapura. Perlawanan kriket terutamanya mendapat sambutan yang baik dari peminat sukan dan biasanya di antara yang hadir ialah Gabenor Negeri-negeri Selat. Ramai ahli sukan yang memasuki universiti ini juga cemerlang dalam pencapaian akademik mereka.

Tradisi mengutamakan sukan di universiti tidak merosot selepas Perang Dunia II bahkan semakin berkembang. Walaupun ada sebilangan mahasiswa mula mengambil bahagian yang giat dalam bidang politik, kegiatan sukan tidak tergendala. Dalam bidang kriket, hoki dan ragbi terutamanya, ramai mahasiswa mewakili Singapura. Setiap kali diadakan perlawanan di antara Universiti Malaya dengan pasukan-pasukan lain, ramai mahasiswa hadir untuk memberi sokongan kepada universiti mereka.

Kesimpulan yang boleh dibuat daripada dua pandangan tersebut ialah pelajar universiti pada tahap I :


- i.Pelajar giat menjalankan aktiviti sukan tetapi bukannya semua daripada mereka yang terlibat.
- ii.Pelajar yang cemerlang dalam sukan juga cemerlang dalam akademik.
- iii.Masyarakat luar kampus memberi perhatian berat kepada perkembangan sukan di universiti.

Walaupun kesimpulan sedemikian dibuat tetapi ia lebih merupakan satu kesimpulan yang bersifat umum. Ini kerana penulis kekurangan maklumat untuk membuat suatu penilaian mengenai pentadbiran dan pembiangunan pada tahap awal ini. Tidak jelas sama ada kemudahan-kemudahan sukan adalah mencukupi atau tidak. Juga tidak diketahui bentuk sokongan yang diberikan oleh pihak universiti. Namun apa yang jelas pada tahap di antara 1949 hingga 1958, pelajar-pelajar Universiti Malaya bergiat cemerlang dalam sukan dan akademik.

## 2. Tahap II

Perkembangan perlembagaan universiti menghasilkan penubuhan Universiti Malaya di Kuala Lumpur pada tahun 1959. Pada tahun 1960 Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menyatakan hasratnya untuk menjadikan Universiti Malaya bahagian Kuala Lumpur sebagai Universiti Nasional Persekutuan. Sebaliknya pula Kerajaan Singapura juga menyatakan hasratnya untuk menjadikan Universiti Malaya bahagian Singapura sebagai Universiti Nasional Singapura. Undang-undang yang diperlukan pun diluluskan dalam tahun 1961. Undang-undang ini dikuatkuasakan pada 1 haribulan Januari 1961 dan dengan ini tertegaklah Universiti Malaya di Kuala Lumpur sebagai Universiti Nasional di Tanah Melayu ( Kalender 1989: 2 ).

Walaupun sudah berpisah dari Singapura tetapi nama badan-badan pengelola aktiviti pelajar masih dikenalkan. Pada tahap II penguasaan pelajar dalam aktiviti sukan melalui UMAU amat ketara bukan sahaja bagi kegiatan tempatan malah luar negeri. Tahap ini sebenarnya boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat penguasaan pelajar ( 1959-1969 ) sebagai pengelola tunggal sukan di universiti dan peringkat peralihan kuasa pelajar ( 1970-1974 ) kepada pihak universiti.




## a. Peringkat 1959-1969

### i. Pentadbiran am

UMAU walaupun adalah salah satu anggota badan UMSU tetapi ia mempunyai perlembagaannya sendiri dan bebas daripada mana-mana pihak termasuk pihak pentadbiran universiti. Sebagaimana di Singapura dahulu, semua ahli UMSU secara otomatis menjadi ahli UMAU dan boleh menghadiri Mesyuarat Agung Tahunannya. Struktur pentadbiran UMAU seperti rajah 2.3 berikut :

**RAJAH 2.3 : STRUKTUR PENTADBIRAN UMAU TAHAP II**



Mereka dipilih ketika Mesyuarat Agung Tahunan setiap tahun oleh ahli yang hadir mesyuarat itu. UMAU juga menggaji seorang kerani bukan pelajar untuk membantu menyelanggarakan kerja-kerja pejabat seperti menaip, menyimpan akaun dan membeli peralatan sukan. Untuk menyelaraskan aktiviti sukan pelajar terdapat pengurusи lelaki dan pengurusи wanita. Di bawah mereka terdapat kapten-kapten permainan. Kapten dibantu oleh setiausaha permainan. Kapten akan merancang program permainan, memilih pemain universiti dan membuat belanjawan pasukannya.

## ii. Pentadbiran Kewangan

Setiap tahun ahli majlis yang akan meletakkan jawatan akan membuat belanjawan untuk tahun akan datang. Cadangan belanjawan ini diterima daripada setiap kapten permainan dan akan dibentangkan dalam mesyuarat untuk dibincang dan diluluskan. Jawatankuasa kewangan terdiri daripada Presiden UMAU, Setiausaha Kewangan, wakil UMSU dan wakil Bendahari Universiti. Sumber kewangan diperolehi daripada grant yang diberikan oleh UMSU. Setiap permohonan perbelanjaan mesti mengandungi tandatangan Setiausaha Kewangan dan Bendahari Universiti. Akaun akan diaudit pada akhir tahun dan dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan untuk diluluskan. Sekiranya mana-mana pasukan membelanja lebih daripada wang yang diperuntukkan untuk pasukan itu, ia terpaksa mencari sumber kewangannya sendiri melalui penajaan dan pengutipan derma.

## iii. Program sukan

### a. Sukan Minggu Orientasi Pelajar

UMAU akan mengendalikan kegiatan sukan untuk pelajar-pelajar yang baru memasuki kampus. Pelbagai permainan dipertandingkan untuk mengenalkan pelajar-pelajar baru kepada kegiatan sukan di universiti.

### b. Sukan Pelajar Baru-lama

Sebaik sahaja tamat sukan antara pelajar-pelajar baru, sukan antara pelajar-pelajar lama dengan baru diadakan. Ketika ini UMAU akan memilih pemain-pemain yang layak mewakili pasukan universiti.

### c. Sukan antara asrama

Program sukan yang paling besar ialah sukan antara pelajar. Program ini melibatkan 16 jenis permainan di mana setiap asrama akan menghantar pasukan untuk bertanding.

### d. Program lain

Selain itu UMAU juga terlibat dengan pertandingan Biennial Intervarsity Games melibatkan Universiti Hong Kong dan Universiti Nasional Singapura.

Pada tahun 1965 sebuah artikel muncul dalam Majalah Varsiti berjudul Sports in the Campus tanpa nama pengarangnya, yang mempersoalkan keupayaan UMAU mengelolakan kegiatan sukan pelajar universiti. Artikel tersebut memuji kebolehan pasukan-pasukan universiti bola sepak yang bertanding di dalam Liga Selangor tetapi mengecam kemudahan sukan yang amat kurang memandangkan statusnya sebagai institut pengajian tinggi tunggal di negara ini. Keperluan untuk seorang pengajar Pendidikan Jaemani, gim, gelanggang dalam dewan, padang kriket, padang hoki, balai sukan, kolam renang dan gelanggang tenis disuarakan. Menurut UMAU pula ia telah cuba mengusahakannya tetapi pihak pentadbiran universiti tidak menunjukkan minat dalam hal ini.

Kesimpulan yang dapat diambil daripada artikel tersebut ialah :

- i.Kemudahan sukan amat kurang.
- ii.Pasukan sukan memerlukan pengangkutan untuk pergi yang ke tempat latihan.
- iii.Tekanan daripada pensyarah dan tekanan beban akademik menyebabkan ramai hilang minat terhadap sukan.
- iv.Pengenalan kepada masa kuliah 5.00 petang hingga 7.00 malam membantutkan lagi usaha penyertaan pelajar dalam sukan.
- v.Ramai ahli sukan cemerlang ketika di sekolah tidak dapat mengembangkan bakat mereka selepas masuk ke universiti.
- vi.Minat pelajar sudah amat kurang terhadap permainan.
- vii.Penglibatan wanita dalam sukan amat kurang sekali.

Anthony Short ( 1965:54 ) menulis Universiti secara ringkasnya adalah satu komplot untuk menghapuskan permainan dan keseronokan. Menurut beliau, pihak universiti merasakan sudah tiba masanya pihak pentadbiran universiti sendiri yang mengelolakan kegiatan sukan bukannya UMAU. Ini kerana pada pendapat mereka UMAU tidak menjalankan tugas mereka dengan sempurna.

Short dalam artikelnya mengecam program sukan, kemudahan dan organisasi sukan Universiti Malaya yang lemah. Rasa tidak puas hati terhadap UMAU memuncak apabila penyelewengan kewangan badan itu diumumkan dalam majalah Mahasiswa Negara pada sesi 1967/68. Akibatnya UMAU digantung aktivitinya oleh pihak UMSU. Ahli Exco UMAU merasakan UMSU tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian. Menurut mereka UMSU segaja melakukan demikian untuk menyekat kepopularan UMAU di kalangan pelajar ( Mahasiswa Negara 1968:13 ). Tindakan UMSU tidak diperkenankan oleh Badan Kebajikan Pelajar dan UMAU dibenarkan bergiat semula. Apa yang jelas pertembungan merebut kuasa dan kepopularan di kalangan pelajar menyebabkan UMAU mula hilang kepentingannya sebagai badan pengelola kegiatan sukan.

Walaupun menghadapi pelbagai masalah pada peringkat ini beberapa pemain peringkat kebangsaan seperti Tan Aik Huang telah mengembangkan bakatnya dengan baik. Laporan dan liputan sukan yang meluas dibuat dalam Mahasiswa Negara.

### b. Peringkat 1970-1974

Pergerakan pelajar yang sangat agresif di Universiti Malaya pada peringkat ini. Oleh itu Majlis Gerakan Negara yang ditubuhkan ketika peristiwa berdarah 13 Mei 1969 telah membentuk sebuah jawatankuasa untuk mengkaji kehidupan pelajar di kampus Universiti Malaya. Antara keterangan yang diterima oleh jawatankuasa itu ialah mengenai sukan.

Laporan jawatankuasa menyebut mengenai kekurangan kemudahan sukan bagi populasinya yang berjumlah 7,777 orang. Kemudahan yang ada ialah sebuah padang ragbi/kriket, sebuah padang hoki, sebuah padang bola sepak, dua buah gelanggang bola keranjang, tiga buah gelanggang sepak takraw/bola jaring, lima buah gelanggang bola tampar dan lapan gelanggang tenis. Kebanyakan padang permainan tidak mempunyai saliran yang baik menyebabkan sering banjir. Kemudahan-kemudahan sukan yang ada kebanyakannya digunakan oleh penuntut-penuntut yang tinggal di asrama. Penuntut-penuntut yang tinggal di luar asrama jarang sekali menggunakan kemudahan-kemudahan sukan.

Jawatankuasa juga telah mendapati hanya 10 peratus daripada populasi pelajar yang menyertai permainan dan daripada jumlah itu biasanya terdapat penuntut yang sama mengambil bahagian dalam beberapa permainan seperti hoki, bola sepak dan ragbi. Penuntut wanita berjumlah 2,265 orang tetapi kurang cergas dalam aktiviti sukan.

Kemudahan-kemudahan sukan, walaupun tidak mencukupi, jarang digunakan sepenuhnya oleh pelajar dalam penggal kedua dan penggal terakhir. Ini menunjukkan bahawa pelajar tidak berapa mementingkan aktiviti sukan. Ramai ahli sukan yang berbakat tetapi lebih memberikan penumpuan kepada akademik dan lantaran bakat mereka tidak dikembangkan ke peringkat cemerlang. Pelajar-pelajar yang sebelum ini hanya menjadi penonton juga menunjukkan minat yang kurang terhadap peristiwa sukan di kampus. Publisiti mengenai sukan juga agak kurang. Penerbitan UMSU tidak banyak memuatkan berita-berita sukan dan pengedarannya pun agak terhad.

Daripada laporan jawatankuasa itu dapat dirumuskan faktor-faktor berikut sebagai sebab mengapa penyertaan dalam sukan dan permainan amat sedikit di kalangan penuntut Universiti Malaya :

- i.Pelajar tertekan untuk memberikan keutamaan kepada peperiksaan.
- ii.Kekurangan masa bagi pelajar-pelajar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti sukan.
- iii.Ketiadaan badan yang sistematik dan sempurna untuk merancang dan menggalakkan sukan di kampus.
- iv.Ketiadaan minat dan kekurangan galakan di pihak pensyarah.

Jawatankuasa ini telah mengemukakan sembilan cadangan untuk menggalakkan penyertaan pelajar dalam sukan dan permainan iaitu :

- i.Pihak universiti perlu memberi kepentingan kepada aktiviti sukan sebagaimana diberi kepada aktiviti akademik.
- ii.Pemberian penghargaan kepada pelajar yang cemerlang dalam sukan hendaklah dijadikan sebagai satu upacara yang istimewa.
- iii.Penyesuaian jadual kuliah supaya tidak menyekat pelajar daripada aktiviti sukan.
- iv.Kakitangan universiti boleh membantu dalam mengelolakan aktiviti sukan.
- v.Peristiwa-peristiwa sukan perlu diber publisiti yang lebih baik.
- vi.Kemudahan-kemudahan sukan yang ada sekarang hendaklah diperbaiki dan ditambahkan selaras dengan keperluan-keperluan penuntut.
- vii.Penyertaan pelbagai kaum hendaklah digalakkan di dalam sukan seperti sepak takraw dan bola keranjang.
- viii.Satu bahagian Pendidikan Jasmani hendaklah sebaiknya ditubuhkan untuk merancang dan mengelolakan permainan di kampus.
- ix.Cadangan pihak universiti untuk menubuahkan sebuah komplek sukan hendaklah dikaji dengan teliti sebelum dilaksanakan.


Perkembangan yang menarik di peringkat ini ialah ketidakyakinan pentadbiran universiti terhadap pelajar untuk mengelolakan aktiviti sukan pelajar. Ini amat jelas dalam laporan jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Gerakan Negara. Pada peringkat ini berlakulah peralihan pentadbiran pelajar secara perlahan-lahan kepada pengurusan langsung oleh pihak universiti sendiri. Pada tahun 1970 peminjaman seorang Pengelola Pendidikan Jasmani daripada Kementerian Pelajaran dibuat untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan sukan dengan lebih baik di universiti ini. Peralihan ini dianggap agak relevan pad masa itu kerana pertambahan populasi pelajar kepada seramai 8,520 orang dan adalah agak sukar bagi UMAU yang bertukar pucuk pimpinan setiap tahun untuk mengorganisasikan kegiatan sukan dengan baik.

Pengelola Pendidikan Jasmani, Encik Lim Hock Han tiba pada tahun 1973 tetapi pada awalnya tidak dapat bertidak mengikut perancangannya kerana penguasaan pelajar ke atas UMAU sangat kuat. Beliau hanya dapat memulakan permainan sukan antara kakitangan universiti seperti pensyarah dan pengetua asrama. Pada tahun 1975 akibat daripada rusuhan pelajar, Akta Universiti dan Kolej telah dipinda dengan peruntukan bahawa setiap aktiviti pelajar mesti melalui pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP). UMSU digantung fungsinya dan UMAU tidak mendapat sumber kewangan lagi. Dengan itu ia pun terpaksa dibubarkan. ( Laporan Naib Canselor 1974:2 )

### 3.Tahap III


Pengelolaan sukan pelajar kini diambil alih oleh Unit Sukan HEP di bawah pentadbiran Encik Lim. Beliau memberikan tumpuan untuk menyusun sebuah organisasi sukan yang dapat merancang program-program sukan dengan baik. Untuk itu kemudahan-kemudahan sukan telah ditingkatkan misalnya dengan pembinaan komplek sukan yang mempunyai kolam renang dan beberapa padang permainan. Sebuah bas telah dibeli khas untuk dijadikan pengangkutan peserta sukan. Penyertaan pelajar dan kakitangan dalam program-program sukan telah digalakkan. Beberapa jurulatih sambilan untuk melatih pasukan-pasukan universiti telah juga diadakan. Struktur pentadbiran Unit Sukan adalah seperti rajah 2.4 berikut :

RAJAH 2.4 : STRUKTUR PENTADBIRAN UNIT SUKAN I



Satu keadaan yang menarik ialah kerani UMAU berada dalam dilema ( sebagaimana ditunjukkan oleh garis putus-putus ) kerana setelah UMAU tidak berfungsi dia tidak diserapkan ke dalam skim gaji kakitangan universiti. Walaupun gaji tetap dibayar oleh pihak universiti tetapi pekerjaannya belum disahkan lagi. Namun perkara itu diselesaikan dengan campur tangan Naib Canselor. Struktur Unit Sukan berubah lagi sebagai rajah 2.5 berikut :

#### **RAJAH 2.5 :STRUKTUR PENTADBIRAN UNIT SUKAN II**



Unit Sukan juga mempunyai pekerja-pekerjanya sendiri yang menjaga kemudahan-kemudahan sukan di sekitar universiti. Mereka melakukan kerja-kerja pembersihan padang, longkang, kolam dan gelanggang. Sebelum ini kerja-kerja tersebut dilakukan oleh Pejabat Harta Benda.

Untuk membantu menjalankan kegiatan sukan pelajar, Unit Sukan telah menggaji pelajar-pelajar yang baru mendapat ijazah mereka. Mereka ini digelar Pembantu Siswazah. Jumlah Pembantu Siswazah berubah dari masa ke semasa.

Peranan Unit Sukan bukan sahaja untuk mengadakan aktiviti sukan pelajar tetapi juga sukan antara fakulti dan jabatan-jabatan di universiti. Selain daripada Unit Sukan terdapat juga badan-badan lain yang mengelolakan aktiviti sukan iaitu Badan Sukan Kakitangan Akademik, Badan Sukan Kakitangan Am dan Badan Sukan Fakulti. Pada masa ini juga Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani Asrama ( JKP Sukan ) telah diujudkan di setiap asrama.

Pada tahun 1978, pentadbiran Unit Sukan dipimpin pula oleh Encik Chua Ah Tok. Di bawah pentadbirannya Unit Sukan mempunyai objektif-objektif berikut :

- i. Memberi peluang kepada semua pelajar-pelajar untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti latihan jasmani mengikut keupayaan, minat dan keperluan tiap-tiap individu.
- ii. Meninggikan tingkat prestasi individu untuk menggalakkan partisipasi semasa dan selepas universiti.
- iii. Membuat organ-organ dan sistem badan berfungsi dengan sihat serta menambahkan ketenangan otak melalui kegiatan-kegiatan sukan.
- iv. Memberi galakan dan peluang kepada pelajar-pelajar untuk membuktikan dan membentuk sifat kepimpinan mereka melalui merancang, mengelola dan melaksanakan aktiviti sukan.
- v. Menggalak dan mengujudkan kesetiaan kepada fakulti, kolej dan universiti melalui sukan.
- vi. Memberi asas untuk mengujudkan suasana muhibah dan fellowship melalui aktiviti intra dan extramural.

Pentadbiran Unit ini dianggotai oleh pegawai-pegawai pentadbir sukan dan ahli Jawatankuasa Pengelola Sukan Universiti yang terdiri daripada kapten pasukan dan Setiausaha JKP Sukan setiap asrama. Segala penempahan kemudahan-kemudahan sukan serta penerangan mengenai aktiviti sukan diperolehi di unit ini. Peralatan sukan yang hendak dipinjam boleh didapati di setor sukan.

Program sukan terbahagi kepada dua jenis :

a. aktiviti intramural seperti pertandingan antara asrama, kejohanan tertutup, pesta sukan dan seni mempertahankan diri.

b. aktiviti extramural seperti pertandingan antara universiti, Sukan MU-NUS antara Universiti Singapura dan Universiti Malaya dan Sukan Triennial Intervarsiti Games atau TIG antara Universiti-universiti dari Indonesia, Hong Kong, Singapura dan Malaysia.

Terdapat dua jimmnasium untuk permainan badminton, bola keranjang, bola tampar, jimnastik dan sepak takraw, dua gelanggang skuasy, kolam renang, bilik angkat berat dan setor sukan. Terdapat juga 3 padang bola sepak, 2 padang hoki, sebuah padang ragbi, sebuah padang bola lisut dan 2 padang bola baling. Bagi permainan seperti tenis diadakan 7 gelanggang tenis, sebuah gelanggang bola keranjang, 2 buah gelanggang sepak takraw. Selain itu terdapat juga tempat-tempat permainan di asrama-asrama.

#### 4. Tahap IV

Pada tahun 1986, Unit Sukan dinaikkan ke taraf Pusat Sukan. Objektifnya adalah seperti berikut :

- i. Menggalakkan pelajar untuk mengamalkan suatu gaya hidup yang aktif, sihat, cergas dan berdisiplin melalui pilihan kegiatan-kegiatan fizikal mengikut citarasa masing-masing.
- ii. Memberi peluang kepada pelajar untuk mengikuti aktiviti-aktiviti rekreatif secara formal atau tidak formal agar dapat meningkatkan dan memupuk kesedaran tentang penggunaan masa lapang dengan lebih bermanfaat.
- iii. Memupuk minat serta menggalakkan pelajar terhadap pengajaran, penyelidikan dan latihan di dalam bidang sukan demi untuk meninggikan prestasi sukan di universiti khasnya dan sukan di negara amnya.
- iv. Untuk menambah bilangan jurulatih, pengadil dan pegawai terlatih dalam berbagai lapangan sukan melalui kursus jangka pendek di kalangan para-pelajar.
- v. Melatih dan membentuk anggota badan supaya berfungsi dengan betul dan sihat melalui penyertaan dalam kegiatan-kegiatan sukan.
- vi. Membolehkan seseorang individu melepaskan penat dan ketegangan dalam kehidupan seharian melalui sukan.
- vii. Memberi galakan dan peluang kepada pelajar-pelajar untuk membuktikan dan membentuk sifat kepimpinan melalui perancangan, pengelolaan dan perlaksanaan kegiatan sukan.
- viii. Menggalak dan mengujudkan semangat kesetiaan kepada fakulti, asrama dan universiti melalui sukan.
- ix. Menyediakan asas bagi mengujudkan suasana muhibbah dan menjalin hubungan silaturahim melalui penyertaan dan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreatif di dalam dan di luar kampus.

Pentadbiran Pusat Sukan dianggotai oleh seorang Pengarah Sukan, seorang Pegawai Kemajuan Sukan dan dibantu oleh 5 orang Penolong Pegawai Sukan serta ahli Jawatankuasa Pengelola Sukan Universiti yang berjumlah 34 orang.

Mulai tahun 1987 Pusat Sukan telah mengelolakan beberapa kursus permulaan bagi menggalakkan lagi perkembangan kegiatan sukan seperti renang, tenis, skuasy dan badminton. Kursus-kursus ini terbuka kepada pelajar serta kakitangan dan dianjurkan selama beberapa minggu dengan kegiatan latihan dan tunjuk ajar dijalankan beberapa kali.

Walaupun tahapnya telah meningkat kepada Pusat Sukan tetapi pentadbiran dan pembangunan sukan di Universiti Malaya masih tidak begitu berjaya. Ini kerana masih ramai yang belum dapat melibatkan diri dalam aktiviti sukan kerana kekurangan kemudahan-kemudahan sukan berbanding dengan status sebagai universiti tertua di negara. Di samping itu, Pusat Sukan masih tidak mempunyai falsafah sukan yang jelas dan mudah difahami.

Oleh itu pada tahun 1990, Dato Mohd. Yunus Mohd. Noor telah dilantik menjadi pengarah baru. Beliau ialah seorang pensyarah di Jabatan Pedagogi dan Psikologi Fakulti Pendidikan yang dipinjamkan ke Pusat Sukan untuk selama 2 tahun.

Kehadiran beliau telah mengubah seluruh struktur pentadbiran dan pembangunan sukan di Pusat Sukan. Falsafah dan matlamat Pusat Sukan juga telah berubah dan memberi kepentingan kepada pembentukan fizikal, mental, sosial dan emosi individu. Pusat Sukan kini menekankan penglibatan 100 peratus dan ia dijadikan sebagai teras falsafah Pusat Sukan untuk mendapatkan kemudahan kepada semua orang. Kesemua ini akan dibincangkan secara teliti dalam bab III dan IV.

### C.Kesimpulan

Pentadbiran dan pembangunan sukan di Universiti Malaya telah melalui empat tahap perkembangan. Pada suatu ketika kegiatan sukan pelajar dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar tetapi setelah berlaku beberapa rusuhan pelajar, pihak universiti telah mengambil-alih tugas-tugas mengendalikan kegiatan sukan di universiti ini. Perubahan ini menyebabkan rancangan-rancangan kegiatan sukan bukan sahaja dijalankan untuk pelajar tetapi juga untuk kakitangan universiti. Setelah UMAU dibubarkan, pelajar tidak mendapat penguasaan sepenuhnya ke atas aktiviti sukan walaupun mereka diberi peluang untuk membantu menjalankan aktiviti. Walaupun sekarang Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya ( PMUM ) mempunyai biro sukan dan kebudayaan tetapi fungsinya tidaklah nyata. Apa yang jelas peranan mentadbir dan membangunkan kegiatan sukan di universiti telah bertukar dari tangan pelajar ke tangan pihak universiti.

Selain itu di setiap tahap perkembangan sehingga tahun 1990 tidak terdapat suatu falsafah dan matlamat sukan yang jelas. Walaupun telah diharapkan universiti akan meneruskan Falsafah Pendidikan sekolah yang memberi keutamaan kepada Pendidikan Jasmani tetapi di universiti keadaan ini tidak berlaku.

Oleh itu untuk menggiatkan aktiviti sukan di kampus satu dasar yang jelas dan mempunyai objektif-objektif tertentu mestilah diadakan terlebih dahulu. Dasar itu perlu melibatkan setiap kumpulan sasaran pelajar sama ada mereka cemerlang, bermain untuk keseronokan atau langsung tidak melibatkan diri dalam aktiviti sukan.

Untuk itu Pusat Sukan pada tahun 1990 telah menggariskan falsafah dan matlamat sukan yang jelas dan yang memberi tumpuan kepada penglibatan 100 peratus pelajar.